

Headline **Talian bantuan untuk kanak-kanak**
 Date **02. Jun 2009**
 Media Title **Berita Harian**
 Section **Hip**
 Circulation **192917**
 Readership **1521000**

Language **MALAY**
 Page No **10**
 Article Size **1781 cm2**
 Frequency **Daily**
 Color **One Spot Color**
 AdValue



Talian bantuan untuk kanak-kanak

Childline Malaysia yang bakal beroperasi Oktober ini diharap jadi saluran untuk membantu masalah si kecil



Childline Malaysia ialah perkhidmatan talian percuma 24 jam dan dikhususkan untuk kanak-kanak di negara ini yang memerlukan perlindungan dan bantuan kecemasan"

Sabri Abdul Rahman
Pengerusi Childline Malaysia

Oleh Nor Affizar Ibrahim

SETIAP kanak-kanak mempunyai hak untuk hidup bebas daripada sebarang penderaan dan keganasan. Bagaimanapun, apa yang berlaku pada masa kini setiap hari jutaan kanak-kanak di seluruh dunia berdepan dengan situasi seumpama itu.

Dalam usia yang masih belum mengerti apa-apa, ada kanak-kanak menjadi mangsa keganasan fizikal, psikologikal dan pelbagai penderaan termasuk di rumah, sekolah, institusi, di jalanan serta di mana-mana. Senario itu memberi kesan yang begitu mendalam dalam kehidupan kanak-kanak dan masa depannya.

Semua keganasan dan penderaan terhadap kanak-kanak tidak diterima kerana hakikatnya mereka memerlukan rutin kehidupan stabil serta berhak hidup dalam persekitaran sihat dan bebas daripada sebarang ancaman atau perkara yang boleh menjejaskan kehidupan dunia kanak-kanak dilalui.

Bagaimanapun, realitinya kanak-kanak di seluruh dunia adalah antara kumpulan dalam masyarakat yang paling tidak mempunyai kuasa; mempunyai keupayaan sedikit untuk mendapat maklumat, sokongan dan bantuan apabila mereka memerlukan semua itu. Sedangkan, konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terha-



MAJLIS penyerahan cek oleh Malaysia Children TV Programme Foundation (MCTF) kepada Childline Malaysia. Dari kiri; Sabri, Decadt, Shahrizat, Wakil Tabung Pendidikan Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unicef) ke Malaysia, Yousoouf Oomar dan Norwati Abd Razak dari MCTF.

dap hak kanak-kanak menyatakan, bahawa tiada seorang pun kanak-kanak seharusnya dibiarkan sendirian.

Mengatasi masalah itulah dilihat betapa pentingnya diwujudkan talian bantuan kanak-kanak di setiap negara di seluruh dunia.

Justeru, inisiatif mewujudkan Childline Malaysia iaitu satu talian khusus yang membolehkan kanak-kanak dalam kesusahan mendapatkan bantuan menerusi satu panggilan sewajarnya disambut dengan baik serta mendapat sokongan sepenuhnya daripada semua pihak.

Pengerusi Childline Malaysia, Sabri Abdul Rahman, berkata inisiatif mewujudkan

talian bantuan berkenaan semakin hampir menjadi kenyataan dengan pembabitkan lebih 140 badan bukan kerajaan (NGO) dan kerjasama dengan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef), agensi kerajaan, Child Helpline International dan sektor swasta. Malah, penubuhannya turut mendapat sokongan penuh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sabri berkata, usaha mewujudkan Childline Malaysia digerakkan sejak lebih setahun lalu oleh sekumpulan warga Malaysia daripada pelbagai latar belakang yang prihatin terhadap kezaliman dan jena-

yah terhadap kanak-kanak. Child Helpline International menjadi induk kepada Childline Malaysia yang kini beroperasi di 150 negara seluruh dunia dengan 91 anggota rasmi.

Katanya, Childline Malaysia ialah perkhidmatan talian telefon percuma 24 jam dan dikhususkan untuk kanak-kanak di negara ini yang memerlukan perlindungan dan bantuan kecemasan. Talian itu dijangka akan mula beroperasi pada Oktober ini dan akan melalui beberapa fasa penubuhannya sebelum diperluaskan di seluruh negara menjelang 2010.

Untuk peringkat pertama, ia akan diperkenalkan di

Lembah Klang.

"Perkhidmatan ini akan dibiayai oleh inisiatif swasta dan antara fungsinya ialah untuk menghulurkan bantuan apabila kanak-kanak yang menghadapi krisis menghubungi talian ini pada bila-bila masa," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Mesyuarat Pemegang-Pemegang Kepentingan Childline Malaysia sempena sambutan Hari Talian Bantuan Kanak-Kanak Antarabangsa di Shah Alam, baru-baru ini.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil. Hadir sama, Ketua Program, Child Helpline International (CHI), Leen Decadt.

Sabri berkata, Childline Malaysia akan menjadi penghubung kepada bantuan dan perlindungan segera yang diperlukan oleh kanak-kanak dalam krisis dan kemudian dirujuk kepada organisasi lain bagi program pemulihan jangka panjang jika perlu.

Bantuan dan perlindungan yang diberikan kepada kanak-kanak itu termasuk masalah seperti kanak-kanak jalanan, buruh kanak-kanak, penderaan fizikal, seksual dan emosi kanak-kanak di dalam keluarga, sekolah atau institusi; kanak-kanak yang memerlukan sokongan emosi dan penjagaan, kanak-kanak mangsa penyeludupan, kanak-kanak diabaikan keluarga atau penjaga, lari dari

rumah, dijangkiti HIV/Aids dan sebagainya.

"Laporan Unicef menunjukkan berjuta-juta kanak-kanak di seluruh dunia hidup di dalam keganasan dan kanak-kanak Malaysia juga tidak terkecuali. Oleh sebab itulah kita perlu mewujudkan talian bantuan itu dan menjadikannya mekanisme penting untuk melindungi kanak-kanak di negara ini.

"Di beberapa negara Asia yang lain sudah pun mempunyai talian bantuan seumpama itu dan Malaysia juga akan mewujudkannya tak lama lagi," kata Sabri.

Antara matlamat utama Childline Malaysia ialah untuk memenuhi Konvensyen terhadap Hak Kanak-kanak dengan memberikan fokus khusus bagi perlindungan dan 'mendengar' hak terhadap kanak-kanak. Selain itu ia juga untuk memastikan jaringan perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik di bandar dan luar bandar.

Talian bantuan itu turut bermatlamat untuk mengukuhkan perkhidmatan berkualiti kepada kanak-kanak yang memerlukan penjagaan khusus dan perlindungan serta memastikannya ia adalah terbaik.

Pada masa yang sama, menyediakan ruang rangkai kerja di kalangan organisasi dan menyediakan jaringan kepada sistem sokongan yang menyediakan kemudahan pemulihan bagi kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan.